

Artikel

Hubungan Aspirasi Belia Melayu Terhadap Penglibatan Belia dalam Politik di Kawasan Pinggir Bandar Terengganu

(The Relationship of Aspirations of the Malay Youth with Their Political Involvement in the Suburbs of Terengganu)

Azrie Azeh^{1*}, Marzudi Md Yunus¹ & Mohammad Tawfik Yaakob²

¹Jabatan Sosiobudaya, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

²Jabatan Pentadbiran Awam, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

*Pengarang Koresponden: s2003938@siswa.um.edu.my

Abstrak: Belia ialah aset dan pewaris kepimpinan negara pada masa hadapan. Mereka menjadi penentu kepada kemajuan negara. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk memahami kehendak dan aspirasi belia terhadap pemimpin negara dan hubung kaitnya dengan penglibatan politik mereka. Dalam kajian ini, kekuatan hubungan aspirasi belia dalam mendorong keterlibatan mereka dalam politik akan dinilai. Kaedah kuantitatif melalui soal-selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Kajian ini melibatkan 455 orang responden berusia dalam lingkungan umur 15 tahun hingga 39 tahun, daripada pelbagai latar belakang. Lokasi kajian ini ialah di daerah Marang, Terengganu. Analisis frekuensi kajian ini mendapati, aspirasi belia kepada kerajaan sangat tinggi, dan kecenderungan politik mereka pula sangat positif. Korelasi antara aspirasi belia dengan penglibatan politik mereka adalah signifikan dan positif, dengan nilai .513**, iaitu pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa, parti-parti yang bertanding dan mengutamakan aspirasi belia akan lebih diutamakan oleh golongan belia untuk diundi. Sebaliknya, parti-parti yang gagal memenuhi aspirasi golongan belia akan ditolak oleh golongan belia. Kegagalan memenuhi aspirasi belia turut menjadi faktor kekalahan kerajaan Barisan Nasional yang memerintah Malaysia selama 60 tahun. Kesimpulan daripada dapatan kajian ini, golongan belia akan menolak parti yang tidak memberi manfaat kepada mereka dan mereka akan menyokong parti-parti dan pemimpin yang dipercayai akan memenuhi aspirasi mereka. Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, wujud faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi pembabitian politik golongan belia, terutama sekali di kawasan pinggir bandar. Oleh itu, satu kajian yang lebih terperinci perlu dilakukan dalam penyelidikan akan datang.

Kata kunci: Belia, Pinggir Bandar, Aspirasi Belia, Politik dan Pemimpin

Abstract: The youth are the valuable assets of the country and they are the successors of the current leaders for the future. They are the pillars who will determine the progress of the country in the years to come. Accordingly, the objective of this study was to understand the expectation and aspirations of the youth towards national leaders and their relationship with their political involvement. In this study, the strength of the relationships of their aspirations in encouraging their involvement in politics was assessed. A quantitative method was employed, using questionnaires as the research instrument. This study involved a total of 455 respondents, aged between 15 and 39 years old, from various backgrounds. The location of this study was in Marang district, Terengganu. The frequency analysis of this study found the youth's aspirations to the government to be very high, and their political tendencies very positive. The correlation between their aspirations and their political involvement was found to be significant and positive, with a value of .513**, which is at a moderate level. This shows that, contesting parties which prioritise on the aspirations of the youth will be preferred by the youth to be voted for. On the other hand, parties which fail to meet the

aspirations of the youth will be rejected. It was revealed that, the failure to meet the aspirations of the youth was a factor in the defeat of the Barisan Nasional government which had ruled Malaysia for 60 years. The conclusion from the findings of this study is that the youth will reject parties that do not benefit them and they will support parties and leaders who are believed to capable in fulfilling their aspirations. Based on the findings of this study, there are other factors which also influence the political involvement of the youth, especially in suburban areas. Therefore, a more detailed study should be done in future research.

Keywords: Youth, Suburbs, Youth Aspirations, Politics and Leaders

Pengenalan

Pendapat atau pandangan belia tidak boleh dipandang rendah kerana mereka memainkan peranan yang besar dalam konteks pembangunan negara. Golongan belia ini perlu diketengahkan terutamanya berkaitan urusan pentadbiran negara dan perlu diberi ruang dan peluang untuk menyumbangkan idea mereka secara aktif (Balqis Farahana Ismayuddin & Junaidi Awang besar, 2022). Pemimpin perlu bersikap terbuka dalam menyantuni golongan belia.

Menurut Mohd. Fauzi Fadzil et al. (2022), dalam usaha menggalakkan penyertaan politik belia, terdapat empat cabaran yang perlu dihadapi, iaitu meletakkan belia dalam lembaga atau jawatankuasa politik, perlunya golongan dewasa menyerahkan tanggungjawab mereka kepada golongan belia, perlunya golongan dewasa menjadi pembimbing dan pendidik kepada golongan belia dan perlunya golongan dewasa untuk bersedia menerima penyertaan belia dalam politik. Kesediaan golongan dewasa untuk membuka peluang kepada golongan belia bagi menggalakkan penglibatan dengan memenuhi aspirasi mereka terhadap politik adalah sangat penting.

Sorotan Literatur

Kemajuan teknologi telah mengubah kehidupan rakyat Malaysia, terutamanya golongan belia. Golongan ini terlalu cepat dalam mempelajari dan menggunakan kemudahan internet untuk mencari maklumat-maklumat terkini yang mempengaruhi pemikiran serta perlakuan mereka. Penggunaan media massa hari ini telah mendorong golongan belia, khususnya pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk bergerak aktif dalam penglibatan politik secara atas talian (Nursyahida Zulkifli et al., 2022). Oleh itu, perkembangan teknologi dan internet ini adalah penting dalam mempengaruhi pembentukan pemikiran dan budaya politik golongan belia.

Belia ialah aset penting kepada negara, kerana merekalah yang akan mewarisi kepimpinan negara pada masa akan datang (Mohd Mahadee Ismail et al., 2021). Di Malaysia, beberapa kajian yang berkaitan dengan aspirasi belia dan penyertaan belia dalam pilihan raya telah dilakukan. Satu kajian yang berkaitan dengan aspirasi belia di Malaysia, khususnya selepas pilihan raya umum ke -14 mendapati, aspirasi belia perlu diberi tumpuan yang khusus (Nur Ellyanis Mohd Basori & Junaidi Awang Besar, 2020). Aspirasi belia perlu ditunaikan oleh kerajaan yang memerintah, untuk meraih sokongan mereka dalam pilihan raya. Pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN) selama 60 tahun dilihat tidak serius dalam memenuhi aspirasi belia. Perkara ini menjadi punca tumbangannya kerajaan Barisan Nasional pada PRU ke-14.

Zalinah Ahmad dan Zawiyah Mohd Zain (2021) menyatakan bahawa, belia dalam lingkungan umur 15 hingga 35 tahun adalah sangat aktif. Oleh itu, penglibatan mereka dalam politik sangat penting bagi membentuk sistem demokrasi yang positif. Kajian yang lain oleh Axia D. Marchand et al. (2021) menguatkan lagi dan bersetuju dengan pernyataan bahawa penglibatan belia dalam sistem politik akan memangkinkan perubahan sosial, selain memastikan perkembangan sihat sistem demokrasi. Justeru, kajian ini adalah penting untuk menilai keterlibatan belia pinggir bandar dalam arus politik negara, supaya mereka tidak ketinggalan dalam sistem politik Malaysia.

Oleh itu, memahami setiap aspirasi belia menjadi perkara yang utama. Faktor ini akan mendorong golongan belia untuk keluar mengundi atau sebaliknya. Pengkaji politik Malaysia telah membuat kajian tentang penyertaan belia dalam pilihan raya. Antaranya, Marshelayanti Mohamad Razali et al. (2016) menyatakan bahawa, bilangan belia yang mendaftar sebagai pengundi sangat kurang. Seramai empat juta rakyat Malaysia yang berumur 21 tahun dan layak mengundi, masih belum mendaftarkan diri sebagai

pemilih. Oleh itu, kajian ini boleh membantu untuk merungkai permasalahan ini, sama ada aspirasi golongan belia yang tidak dipenuhi menjadi punca mereka tidak berminat untuk menyertai pilihan raya.

Menurut Mohd Fuad Mat Jali et al. (2009), menyatakan bahawa kerajaan yang memerintah perlu memahami aspirasi golongan belia. Keprihatinan yang serius terhadap kebajikan golongan belia seperti memperluaskan peluang pekerjaan, memberikan kebebasan bersuara, membasmi rasuah dan kemiskinan perlu diutamakan dalam pentadbiran. Sementara itu, mahasiswa pula mahu pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dilakukan untuk kebebasan demokrasi.

Di Malaysia, terdapat ramai juga penyelidik yang mengkaji tentang aspirasi belia dan penyertaan mereka dalam pilihan raya. Contohnya, Mohd Fuad Mat Jali et al. (2011), dalam kajiannya mendapati bahawa, adalah penting bagi kerajaan yang diamanahkan memerintah mengenalpasti aspirasi belia dan melaksanakan program-program yang mendampingi belia secara berterusan.

Pekerjaan ialah salah satu daripada aspirasi utama belia. Terdapat banyak penyelidikan yang membincangkan tentang pekerjaan sebagai aspirasi utama yang dikehendaki oleh belia. Kerajaan yang memerintah tidak boleh mengambil mudah perkara ini. Cabaran global masa kini ialah untuk menyediakan pekerjaan kepada golongan belia, terutama sekali di negara yang berpendapatan rendah, yang keadaannya sangat membimbangkan, kerana berlakunya peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan belia. Malahan, perkara ini turut berlaku di negara berpendapatan tinggi (Barford et al., 2021). Oleh itu, perlu bagi kerajaan untuk merialisasikan aspirasi yang melibatkan ekonomi yang meliputi peluang pekerjaan kepada golongan belia (Marzudi Md Yunus et al., 2022).

Belia juga mempunyai aspirasi yang amat tinggi terhadap kemajuan sistem pendidikan. Kerajaan perlu mengutamakan kemajuan pendidikan kepada belia. Yeung (2022), menjelaskan bahawa, secara signifikan dan kukuh, aspirasi akademik peringkat individu dan sekolah belia imigran pada zaman remaja didapati menjadi penentu kejayaan mereka untuk menamatkan pengajian di kolej. Implikasi penting kajian ini menunjukkan perlunya bantuan praktikal untuk memupuk belia imigran supaya mempunyai aspirasi akademik bagi mencapai pembangunan pendidikan yang lebih baik. Ini selanjutnya menunjukkan bahawa, bantuan dan kemajuan teknologi pendidikan perlu dilaksanakan oleh kerajaan untuk memenuhi aspirasi belia bagi memajukan diri mereka dalam bidang pendidikan.

Kajian seterusnya ialah berkaitan dengan peluang perniagaan sebagai aspirasi belia yang perlu dipenuhi oleh kerajaan yang memerintah. Menurut Akrong & Hundie (2022), peningkatan kadar pengangguran di Benin telah mendorong belia untuk menceburi bidang keusahawanan, seperti industri pertanian. Ini membuktikan bahawa, peluang perniagaan juga perlu difikirkan oleh kerajaan untuk membangunkan ekonomi belia, sekaligus memenuhi aspirasi belia untuk mendapatkan peluang pekerjaan.

Aspirasi belia terhadap kemudahan teknologi, seperti capaian internet, hendaklah turut diberi perhatian oleh kerajaan terutamanya sewaktu pandemik Covid 19. Menurut kajian yang dibuat oleh Mohammed & Ferraris (2021), penggunaan media sosial untuk mendapatkan maklumat yang tepat dalam kalangan rakyat Arab Saudi didapati meningkat ketika krisis Covid 19, khususnya penggunaan *Facebook*, *YouTube* dan *instagram*. Kepentingan teknologi ini juga turut dikuatkan lagi dengan kajian Ali et al. (2021), yang mendapati bahawa, 91% bidang pendidikan di seluruh dunia terjejas, berikutan pandemik Covid 19. Pengajaran dan pembelajaran melalui e-Pembelajaran adalah kaedah penyelesaian yang terbaik.

Penglibatan politik dalam kalangan belia bergantung kepada kemunculan bakat dan tenaga muda dalam masyarakat. Pemikiran belia generasi sekarang telah berkembang selaras dengan peredaran zaman. Pengalaman dan persekitaran semasa telah membentuk pendirian politik belia. Perkara ini seterusnya mempengaruhi sikap dan tingkah laku mereka. Contohnya, golongan belia di Taiwan dan Hong Kong mempamerkan identiti tempatan. Semakin kuat identiti tempatan mereka, didapati semakin aktif mereka menyertai politik. Ini berbeza dengan golongan belia di China, yang menjadi penggerak utama kepada aktivisme politik (Wang, 2019).

Selain itu juga, internet dan media sosial turut berperanan penting dalam penglibatan politik belia. Menurut Keating & Melis (2017), ekspresi politik talian digunakan secara meluas oleh golongan belia di Britain. Media sosial juga turut digunakan oleh belia yang melibatkan diri secara aktif dalam politik. Oleh itu, media massa merupakan aspirasi yang perlu dipenuhi bagi mendorong belia untuk menyertai politik. Menurut Junaidi Awang Besar (2021), pengaruh media sosial memainkan peranan yang penting dalam

membentuk pola pengundi. Media sosial menjadi saluran penghubung, khususnya dalam kalangan golongan belia untuk menyampaikan aspirasi dan rasa tidak puashati terhadap isu-isu semasa yang berlaku.

Pemimpin atau calon pemimpin juga menjadi aspirasi kepada golongan belia. Pemimpin yang baik akan menjadi pilihan kepada golongan belia. Calon-calon politik secara tidak langsung membawa imej parti yang disertai. Kelebihan dan kebolehan pemimpin ialah antara faktor utama mereka menjadi pilihan pengundi dalam pilihan raya. Aichholzer & Willmann (2020) menyatakan, ciri-ciri pemimpin yang menjadi pilihan ialah pemimpin yang mempunyai sifat keterbukaan, jujur dan cita-cita politik yang tinggi.

Menurut kajian Abdul Razaq Ahmad et al. (2016), secara keseluruhannya, belia meletakkan aspirasi yang tinggi terhadap keupayaan pemimpin yang berpandangan jauh serta kompeten. Selain itu, pemimpin perlu memberi keutamaan untuk memperjuangkan nasib belia dan meletakkan idealisme perjuangan yang bersifat nasional. Gaya kepimpinan belia mahukan pemimpin yang mengamalkan prinsip turun padang, dengan menyertai bersama aktiviti dan program yang dilaksanakan, bukan sekadar memberikan arahan dan menyokong aktiviti belia. Golongan belia meletakkan harapan yang sangat tinggi, supaya pemimpin mengutamakan rakyat melebihi kepentingan peribadi. Ini menunjukkan bahawa, belia Malaysia mempunyai aspirasi yang tinggi terhadap kepimpinan politik negara ini. Pendapat ini dikuatkan lagi dengan kajian yang dilaksanakan oleh Nur Ellyanis Mohd Basori & Junaidi Awang Besar (2020) yang menyatakan, golongan belia hari ini semakin berani menyuarakan pendapat supaya dilakukan perubahan kepada pucuk pimpinan dan kerajaan yang tidak menunaikan aspirasi mereka. Seterusnya, menurut Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar (2012), golongan belia menyokong supaya kerajaan melaksanakan aspirasi untuk memantapkan pembangunan belia negara dan mereka bersetuju dengan gagasan “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” yang mereka perlu menghayatinya.

Selain itu, golongan belia mempunyai aspirasi untuk memilih pemimpin yang jujur dan berintegriti tinggi. Menurut kajian yang dilakukan oleh Junaidi Awang Besar et al. (2020), kejayaan pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak begitu relevan untuk mengekalkan pemerintahannya, tetapi mereka lebih cenderung untuk mengukur kepimpinan daripada sudut integriti, moral, hak asasi, dan sikap demokratik kerajaan dalam mengurus dan memenuhi aspirasi rakyat. Golongan belia menolak mana-mana pemimpin yang terlibat dalam rasuah, penyelewengan, politik wang dan salah guna kuasa. Golongan belia juga turut mengharap supaya mereka diberikan peluang untuk melibatkan diri dalam politik dan memegang beberapa jawatan. Menurut Malafaia et al. (2021), kepelbagaian kedudukan belia dalam jawatan politik ini akan mendorong belia untuk lebih memahami tentang dimensi politik, termasuk konsep berparlimen dan penyertaan golongan belia dalam setiap program parti politik.

Enam pelan strategik untuk mendorong golongan belia dalam penglibatan politik, ialah kerja-kerja belia, forum secara berunding, kesukarelawanan, kesenian, sukan dan media. Penggunaan kemudahan teknologi dan sosial media, selain daripada aktiviti rekreasi dan kebudayaan, turut mempengaruhi aspirasi belia dan penglibatan belia dalam politik, menurut Brady et al. (2020). Seterusnya, terdapat juga beberapa kajian yang berkaitan dengan penglibatan belia dalam politik. Menurut Kitanova (2020), keterlibatan belia dalam politik bergantung kepada kematangan sistem demokrasi yang diamalkan dalam sesebuah negara. Terdapat golongan belia yang meluahkan perasaan tidak puas hati dengan pandangan yang menyatakan, mereka tidak memberi apa-apa makna dalam bidang politik. Persepsi ini ialah satu kesilapan dan tidak memenuhi hak asasi manusia. Justeru, belia juga hendaklah dilibatkan dalam politik, malah penglibatan mereka hendaklah diwajibkan (Farthing, 2010). Kesedaran mengenai penyertaan golongan belia ini adalah sangat tinggi. Menurut Sturgis & Jennings (2020), kesedaran menyertai pilihan raya dalam kalangan belia Britain adalah tinggi, ekoran daripada kesedaran mereka tentang kepentingan politik dan perlunya mereka melibatkan diri dalam politik.

Kajian oleh Abdul Hadi Samsi et al. (2013) mendapati, secara keseluruhannya, tahap penglibatan politik golongan belia masih berada pada tahap yang rendah dan sedikit sahaja yang bergiat aktif dalam politik. Keadaan ini amat membimbangkan. penglibatan politik golongan belia yang rendah ini adalah didorong oleh sikap belia itu sendiri yang tidak berminat untuk menyertai politik. Oleh itu, usaha untuk menarik minat golongan belia perlu dipergiatkan lagi.

Secara keseluruhannya, penglibatan belia dalam politik sangat penting. Malahan, dalam konteks politik, peranan belia adalah sangat signifikan, kerana jumlah mereka yang majoriti dalam daftar pengundi negara. Oleh itu, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kepada pemimpin politik untuk memastikan

supaya aspirasi, keperluan dan kehendak golongan belia ini dipenuhi, bagi memastikan golongan belia terus memberi sokongan kepada parti dan pemerintah. Kegagalan memahami inspirasi dan iltizam golongan belia akan memberi kesan negatif kepada parti dan kerajaan yang memerintah (Ramli Dollah et al., 2018).

Seterusnya, melalui pilihan raya, rakyat termasuk juga golongan belia akan memilih pemimpin yang akan memperjuangkan kepentingan dan aspirasi mereka. Melalui pilihan raya, rakyat boleh menentukan barisan pemerintah dan corak pemerintahan yang dikehendaki dan dipercayai mampu memenuhi aspirasi mereka (Azman Mahadi et al., 2016).

Berdasarkan kepada beberapa kajian terdahulu, telah dibuktikan bahawa, aspirasi politik dan penglibatan politik belia sangat penting dan mempunyai kaitan yang rapat. Belia masa kini terlalu prihatin kepada kebajikan dan kepentingan mereka untuk memastikannya sentiasa terjamin. Oleh itu, adalah penting bagi parti-parti yang bertanding bagi memenuhi aspirasi golongan belia dan memberi peluang kepada mereka untuk melibatkan diri dalam politik.


Objektif umum kajian ini adalah untuk memahami kehendak dan aspirasi belia terhadap pemimpin negara dan hubung kaitnya dengan penglibatan politik mereka, khususnya golongan belia Melayu di pinggir bandar, iaitu sama ada aspirasi belia mempengaruhi penglibatan politik.

Metodologi

Rekabentuk kajian ini dibentuk untuk menilai tahap aspirasi belia dalam mempengaruhi penglibatan politik mereka. Terdapat beberapa item dalam aspirasi belia yang akan dikemukakan persoalannya kepada responden, iaitu tenaga kerja kepada usahawan; peluang pekerjaan dan pendapatan; peluang keusahawanan, pendidikan dan kemahiran; gaya hidup dan persekitaran eksklusif; kepimpinan yang adil; penerimaan pemimpin terhadap pandangan belia; dan juga peluang kepada golongan belia untuk menceburi bidang kepimpinan, sama ada dalam kerajaan, atau badan bukan kerajaan.

Seterusnya, responden juga ditanya berkaitan dengan kecenderungan mereka dalam penglibatan politik. Dapatan kajian lapangan ini akan dinilai untuk menilai tahap hubungan aspirasi belia ini dalam mempengaruhi kecenderungan mereka untuk terlibat dalam politik.

Rajah 1. Hubungan aspirasi dalam mempengaruhi politik belia



Borang soal-selidik digunakan sebagai instrumen kajian dalam penyelidikan ini. Sampel kajian ini terdiri daripada 455 responden yang dipilih secara rawak, melibatkan golongan belia Melayu yang berumur antara 15 hingga 39 tahun. Lokasi kajian ini ialah di daerah Marang, Terengganu. Untuk memastikan borang soal-selidik dalam kajian ini sampai kepada responden yang berkaitan sahaja, edarannya dibuat dengan dibantu oleh beberapa badan atau jabatan kerajaan. Ini termasuk Jabatan Belia dan Sukan Terengganu, yang telah memilih beberapa persatuan belia yang cemerlang di daerah Marang. Institut Latihan Perindustrian daerah Marang dan Institut Kemahiran belia Negara Wakaf Tapai turut memberikan kerjasama dalam menyediakan responden kajian. Selain itu, khidmat bantuan daripada Jabatan pendidikan Negeri Terengganu telah diperolehi dan mereka telah memberikan kelulusan untuk berurusan dengan dua buah sekolah berasingan di daerah Marang bagi tujuan kajian ini.

Dalam penetapan agihan borang soal-selidik kepada responden, belia yang berumur antara 15 hingga 19 tahun melibatkan pelajar dua buah sekolah yang telah diluluskan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu, manakala belia yang berumur antara 20 hingga 24 tahun pula melibatkan pelajar-pelajar di Institut Latihan Belia Perindustrian Marang dan Institut Kemahiran Belia Negara Wakaf Tapai. Kawasan dan institusi ini dipilih kerana kedudukannya di kawasan pinggir bandar, iaitu di daerah Marang. Manakala pemilihan institusi ini dilakukan kerana majoriti pelajar yang belajar di insitusi tersebut ialah golongan belia yang berasal dari daerah Marang. Responden yang terlibat ialah pelajar-pelajar tingkatan tiga hingga tingkatan enam atas dan pelatih-pelatih di institusi kemahiran. Sementara itu, persatuan belia yang dipilih ialah persatuan belia yang aktif di daerah Marang. Kajian ini sangat penting kerana, penyelidikan yang berkaitan aspirasi dan penglibatan politik belia dikawasan pinggir bandar masih kurang dilakukan. Oleh itu, kajian ini dapat memberi nilai tambah terhadap kajian sedia ada. Borang soal selidik diedarkan kepada responden dengan menggunakan *google form*. Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Terengganu, terdapat seramai 48,600 orang belia Melayu di daerah Marang. Menurut jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970), bagi populasi dengan jumlah 50,000 orang, saiz sampel responden yang diperlukan ialah 381 orang. Edaran borang soal-selidik telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada responden, dan jumlah soal-selidik yang dijawab oleh responden adalah sebanyak 455. Agihan borang soal-selidik adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual 1.

Jadual 1. Agihan borang soal-selidik kepada responden

Bil.	Umur	Jumlah Belia Melayu 2020	Jumlah Borang	Lokasi Agihan
1	15-19	11,000	76	SMK Bukit Sawa dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Lela Segara (Kategori Sekolah) Jumlah Responden: Lelaki: 38 orang Perempuan: 38 orang
2	20-24	11,900	76	Institut Kemahiran Belia Negara Wakaf Tapai dan Institut Latihan Perindustrian Marang. (Ketegori Kemahiran/Institusi) Jumlah Responden: Lelaki: 38 orang Perempuan: 38 orang
3	25-29	11,200	76	Persatuan Belia yang aktif di Marang (Kategori NGO)
4	30-34	8,000	76	1. Gerakan Belia 4B Malaysia Cawangan Bukit Payong – Johan Anugerah Perdana Belia (2016)
5	35-39	6,500	76	2. Persatuan Belia Setia Pakat Kg Tebakang, Johan Anugerah Perdana Belia 2017 3. Gerakan Belia 4B Malaysia, Cawangan Pak Madah – Johan Anugerah Perdana Belia 2019 4. Kelab Belia Bersatu Kg Padang Mengkuang – Johan Anugerah Perdana Belia Negara tahun 2020 Jumlah Responden: Lelaki: 114 orang Perempuan: 114 orang.
Jumlah		48,600	380	

Analisis data dibuat dengan menggunakan perisian SPSS 26.0. Bagi tujuan kajian ini, skala ordinal mengukur maklumbalas responden berdasarkan pernyataan seperti sangat tidak bersetuju; tidak setuju; tidak pasti; setuju; dan sangat bersetuju. Analisis frekuensi digunakan untuk menyelidik tentang aspirasi dan kecenderunagn penglibatan politik belia. Manakala, analisis korelasi digunakan untuk menilai tahap hubungan korelasi antara aspirasi dengan penglibatan dalam politik. Tujuan analisis korelasi digunakan adalah untuk merungkai persoalan kajian, iaitu untuk menilai kekuatan hubungan aspirasi belia yang mendorong keterlibatan mereka dalam politik.

Kajian ini memberi tumpuan kepada persoalan aspirasi dan penyertaan belia dalam pilihan raya sebagai pengundi. Persoalan aspirasi tertumpu kepada 13 item yang berkaitan dengan tenaga kerja kepada usahawan belia, pekerjaan adalah tuntutan utama, harapan supaya kerajaan membuka peluang pekerjaan, kemudahan kepada usahawan belia, persekitaran hidup yang eksklusif, gaya hidup belia, kemudahan pendidikan mengikut zaman, institusi kemahiran diperhebatkan dengan teknologi moden, pemimpin yang adil, amanah dan bersih, kerajaan yang menepati janji, perkhidmatan awam yang cekap, pemikiran belia diterima baik oleh kerajaan dan penglibatan barisan kepimpinan belia dalam kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

Seterusnya, kajian ini juga mendapatkan maklum balas daripada belia berkaitan maklumat mengenai penyertaan mereka dalam pilihan raya sebagai pemilih. Persoalan yang dikemukakan kepada responden berkisar mengenai penyertaan belia dalam pilihan raya untuk memilih pemimpin yang adil, penyertaan pilihanraya ini untuk mengelakkan negara daripada dipimpin oleh pemimpin rasuah, memilih pemimpin yang mendahulukan rakyat, memilih parti yang berprinsip, mengangkat pemimpin yang jujur, menolak pemimpin yang mementingkan diri sendiri, menunaikan tanggungjawab sebagai rakyat, tanggungjawab sebagai warganegara dan belia memilih untuk mencuba undi.

Dapatan Kajian

1. Profil Responden

Jadual 2, menunjukkan maklumat demografi responden kajian ini. Marang merupakan kawasan pinggir bandar Terengganu. Terdapat 232 responden lelaki (51%) dan 223 responden wanita (49%) yang menyertai kajian ini. Pecahan mengikut peringkat umur dalam kajian ini adalah, 15 -19 tahun, 139 responden (30.5%), 20-24 tahun, 85 responden (18.7%), 25 -29 tahun, 70 responden (15.4%), 30 -34 tahun, 81 responden (17.8%) dan 35-39 tahun, 80 responden (17.6%). Dalam aspek tahap pendidikan pula, 265 orang (58.5%), atau lebih daripada separuh responden dalam kajian ini berpendidikan Sekolah Menengah, 78 responden (17.1%) lepasan Diploma, 64 responden (14.1%) pemegang Sijil Kemahiran Malaysia, 44 responden (9.7%) berkeelayakan Sarjana Muda, 2 responden (0.4%) pemegang Sarjana, seorang (0.2%) lulusan PhD dan seorang (0.2%) berpendidikan Sekolah Rendah. Seterusnya, data pendapatan belia,-didapati 266 responden (58.5%) berpendapatan antara RM 0 -RM1,000.00, 112 responden (24.6%) berpendapatan antara RM1,001 – RM2,000.00, 47 responden (10.3%) berpendapatan antara RM2,001 -RM3,000.00, dan 30 orang (6.6%) berpendapatan RM3,000.00 dan ke atas.

Jadual 2. Demografi

	Demografi	Frekuensi (N=455)	Peratus (%)	
Daerah	Marang	455	100	
	Jantina	Lelaki	232	51
		Perempuan	223	49
Bangsa	Melayu	455	100	
	Umur	15 -19 tahun	139	30.5
		20 -24 tahun	85	18.7
		25 – 29 tahun	70	15.4
		30 – 34 tahun	81	17.8
		35 -39 tahun	80	17.6
Pendapatan	RM 0 -RM1,000.00	266	58.5	
	RM1,001- RM2,000.00	112	24.6	
	RM2,001 – RM3,000.00	47	10.3	
	RM3,000 dan ke atas	30	6.6	
Pendidikan	Sekolah Rendah	1	0.2	
	Sekolah Menengah	265	58.2	
	Sijil Kemahiran Malaysia	64	14.1	
	Diploma	78	17.1	
	Sarjana Muda	44	9.7	
	Sarjana	2	0.4	
	PhD	1	0.2	

2. Aspirasi Belia

Seterusnya kajian ini juga meneliti tentang aspirasi belia berdasarkan kepada 13 item soalan kajian. Jadual 3 dibawah menunjukkan dapatan daripada maklum balas yang diperolehi daripada responden. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa, untuk usahawan belia, tenaga kerja adalah amat penting dan kerajaan hendaklah menyediakan latihan untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir. Didapati, 44.4 % memberi jawapan setuju dan 48.8% pula sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa, seramai 93.2% usahawan belia mahukan kerajaan yang memerintah supaya membekalkan tenaga kerja mahir dan separuh mahir untuk memajukan perniagaan mereka.

Untuk menyara kehidupan, belia amat memerlukan kepada pekerjaan sebagai sumber pendapatan. Didapati, 59.6% responden dalam kajian ini memberi jawapan sangat setuju dan 34.3% memberi jawapan setuju. Kedua-dua jawapan ini menunjukkan bahawa, kerajaan yang memerintah hendaklah mewujudkan peluang pekerjaan untuk dijadikan sumber pendapatan mereka. Seterusnya responden juga memberi maklumbalas bahawa, belia mengharapkan kerajaan yang memerintah supaya membuka peluang pekerjaan kepada mereka. Terdapat 29.2 % daripada responden yang bersetuju dengan pernyataan ini dan 65.1% pula memberi maklum balas sangat bersetuju.

Keputusan ini menunjukkan bahawa, belia menaruh harapan yang tinggi, supaya kerajaan yang memerintah membuka peluang pekerjaan kepada golongan ini. Hari ini, kebanyakan belia lebih cenderung untuk mengusahakan perniagaan mereka sendiri. Kajian ini juga mendekati golongan belia niaga. Hasil kajian mendapati 60.9% daripada responden memberi maklum balas sangat bersetuju dan 29.2% memberi maklum balas bersetuju. Oleh itu, kerajaan yang memerintah hendaklah merangka pelan perniagaan yang bersesuaian, termasuk kemudahan pinjaman modal niaga dan infrastruktur yang perlu dibangunkan untuk membolehkan belia yang menceburi dalam bidang keusahawanan ini mengembangkan perniagaan mereka. Pada zaman moden ini, gaya kehidupan telah jauh berubah. Rakyat lebih memerlukan kepada kehidupan yang eksklusif, termasuk juga golongan belia. Kajian ini mendapati bahawa, 54.3% responden memberi maklum balas sangat bersetuju dengan pernyataan ini dan 34.9% setuju bahawa, kerajaan perlu menyediakan kehidupan yang eksklusif kepada mereka, persekitaran dan alam sekitar yang bersih dan menyegarkan. Apabila ditanya tentang gaya hidup yang sihat dan kemudahan bersukan, majoriti golongan belia berada dalam kelompok sangat bersetuju dan setuju dengan pernyataan ini. Analisis kajian ini mendapati, 58% belia memberi maklum balas sangat bersetuju dan 34.7% bersetuju. Oleh itu, kemudahan prasarana sukan yang canggih dan bersesuaian hendaklah disediakan oleh kerajaan, supaya golongan belia dapat menggunakannya dengan selesa.

Pendidikan dan kemahiran merupakan satu perkara yang amat penting. Sistem pendidikan dan kemahiran yang sempurna dan mengikut arus zaman ini akan membina kehidupan yang lebih sempurna, khususnya kepada golongan belia. Kajian ini juga mengemukakan persoalan yang berkaitan dengan pendidikan dan kemahiran. Belia ditanya tentang kemudahan pendidikan yang sesuai dengan arus zaman dan didapati, kebanyakan responden memberi maklum balas bahawa mereka sangat bersetuju (58.5%) dan bersetuju (34.7%) dengan pernyataan ini. Jadi, 93.2% golongan belia berada dalam kelompok bersetuju dan sangat bersetuju supaya kerajaan menyediakan kemudahan pendidikan, termasuk teknologi pendidikan yang bersesuaian dengan zaman kehidupan mereka. Dalam membincangkan tentang kemahiran, golongan belia juga amat menitik beratkan tentang kemahiran. Kajian ini juga mengemukakan soalan kepada belia tentang institusi kemahiran yang perlu dilengkapi dengan teknologi moden. Analisis kajian ini mendapati, 58.9% responden sangat bersetuju supaya institusi kemahiran disediakan dengan kemudahan teknologi moden yang bersesuaian dengan permintaan industri. Manakala, terdapat 34.7% yang memberi maklum balas bersetuju. Kerajaan hendaklah memikirkan dan perlu menambahkan peruntukan kepada institusi-institusi kemahiran untuk menyediakan kemudahan teknologi yang canggih dan moden kepada institusi kemahiran, supaya latihan yang diberikan kepada golongan belia sesuai dengan pasaran buruh semasa.

Belia juga ditanya tentang kepimpinan politik negara, iaitu kepimpinan yang adil, jujur dan bersih, dan didapati majoriti belia berada dalam kategori setuju dan sangat bersetuju dengan persoalan ini. Berdasarkan analisis kajian ini, 65.9% sangat bersetuju dan 28.1% memberi maklum balas setuju dengan pernyataan ini. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa, belia amat menitik beratkan kepimpinan politik yang terdiri daripada golongan pemimpin amanah, jujur dan memerintah dengan adil. Pemimpin yang mengamalkan ciri-ciri amanah, jujur dan adil ini akan menjamin kehidupan rakyat dan negara lebih aman

dan selamat. Kedudukan politik negara akan lebih stabil. Golongan belia juga amat menjiwai manifesto dan janji yang ditawarkan oleh parti-parti semasa mereka berkempen dalam pilihanraya. Kajian ini juga mengajukan soalan kepada belia tentang perlunya kerajaan menunaikan dan menepati janji mereka, dan analisis kajian ini mendapati, 68.1% golongan belia memberi maklum balas bahawa, kerajaan perlu menunaikan janji-janji mereka semasa kempen pilihan raya dan juga yang tertulis dalam manifesto parti mereka. Selain itu, 25.9% responden pula memberi maklum balas setuju. Oleh itu, 94% peratus belia berada dalam kelompok setuju dan sangat bersetuju supaya setiap parti yang berjaya membentuk kerajaan menunaikan janji-janji yang ditaburkan semasa kempen pilihan raya.

Kajian ini juga turut bertanyakan kepada golongan belia tentang aspirasi mereka terhadap perkhidmatan awam. Dapatan analisis kajian menunjukkan, majoriti responden mengharapkan perkhidmatan awam yang disampaikan kepada rakyat adalah yang terbaik. Analisis kajian ini mendapati 62.0% memberi maklum balas sangat bersetuju dan 31.4% memberi maklum balas setuju bahawa, penjawat awam dan kerajaan hendaklah menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Seterusnya, belia ditanya tentang idea dan pemikiran golongan belia dan penglibatan mereka dalam kepimpinan, sama ada dalam kerajaan atau bukan kerajaan. Kajian ini mendapati, golongan belia amat mengharapkan supaya idea, cadangan dan pemikiran yang dilontarkan oleh golongan belia diterima oleh kerajaan. Analisis dapatan kajian ini mendapati, 55.4% sangat bersetuju dan 36.3% bersetuju dengan pernyataan, kerajaan yang memerintah hendaklah menerima baik idea dan cadangan golongan belia untuk memenuhi aspirasi belia. Apabila ditanya tentang kepimpinan belia dalam kerajaan dan bukan kerajaan, golongan belia amat mengharapkan supaya kerajaan membuka peluang seluas mungkin kepada belia untuk terlibat sama. Ini adalah kerana, belia mewarisi kepimpinan pada masa akan datang. Kajian ini mendapati, 50.3% sangat bersetuju dan 36.7% setuju dengan pernyataan ini.

Jadual 3. Aspirasi belia Melayu terhadap pemimpin

Bil	Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Bersetuju
1	Tenaga kerja isu penting bagi usahawan belia	10 (2.2%)	13 (2.9%)	8 (1.8%)	202 (44.4%)	222 (48.8%)
2	Pekerjaan merupakan tuntutan utama golongan belia Melayu sebagai sumber pendapatan.	10 (2.2%)	15 (3.3%)	3 (0.7%)	156 (34.3%)	271 (59.6%)
3	Belia mengharapkan kerajaan membuka peluang pekerjaan	11 (2.4%)	13 (2.9%)	2 (0.4%)	133 (29.2%)	296 (65.1%)
4	Belia mengharapkan kemudahan untuk usahawan belia diperluaskan	11 (2.4%)	12 (2.6%)	4 (0.9%)	151 (33.2%)	277 (60.9%)
5	Belia mengharapkan kerajaan memerintah menyediakan persekitaran hidup yang eksklusif	11 (2.4%)	19 (4.2%)	19 (4.2%)	159 (34.9%)	247 (54.3%)
6	Belia mementingkan gaya hidup yang sihat dan kerajaan perlu menyediakan kemudahan prasarana sukan yang terbaik	11 (2.4%)	17 (3.7%)	5 (1.1%)	158 (34.7%)	264 (58%)
7	Belia hari ini memerlukan kemudahan pendidikan yang sesuai mengikut zaman	10 (2.2%)	13 (2.9%)	8 (1.8%)	158 (34.7%)	266 (58.5%)
8	Belia mengharapkan	10 (2.2%)	14 (3.1%)	5 (1.1%)	158 (34.7%)	268 (58.9%)

	institusi kemahiran diperhebatkan dengan teknologi moden.					
9	Belia memilih pemimpin politik yang adil, amanah dan bersih	11(2.4%)	12(2.6%)	4(0.9%)	128(28.1%)	300(65.9%)
10	Belia mahukan kerajaan yang memerintah menepati janji	11(2.4%)	12(2.6%)	4(0.9%)	118(25.9%)	310(68.1%)
11	Belia mahukan perkhidmatan awam yang cekap dan berkhidmat untuk rakyat	11(2.4%)	13(2.9%)	6(1.3%)	143(31.4%)	282(62.0%)
12	Belia mahukan cadangan dan pemikiran mereka diterima baik oleh kerajaan.	11(2.4%)	15(3.3%)	12(2.6%)	165(36.3%)	252(55.4%)
13	Belia mahukan mereka diterima dalam barisan kepimpinan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan	11(2.4%)	17(3.7%)	31(6.8%)	167(36.7%)	229 (50.3%)

3. Penglibatan Belia Dalam Politik

Tujuan yang mendorong untuk penglibatan belia dalam politik adalah untuk memastikan kerajaan yang dibentuk nanti dapat memerintah dengan adil serta mesra rakyat, khususnya golongan belia. Kajian ini juga turut meneliti tentang tujuan belia menyertai pilihan raya dengan mengemukakan 11 item soalan yang berkaitan dengan tujuan penyertaan golongan belia dalam pilihan raya. Berdasarkan kepada jadual 4, kajian ini mendapati seramai 314 (69.0%) sangat bersetuju dan seramai 109 (24.0%) belia setuju dengan tujuan belia menyertai pilihan raya untuk memilih pemimpin yang adil. Pemilihan pemimpin yang adil akan dapat menjamin kestabilan politik negara. Terdapat seramai 257 (56.5%) responden yang memberi maklum balas sangat bersetuju dan seramai 136 (29.9%) responden bersetuju bahawa, tujuan penyertaan belia dalam pilihan raya ini adalah untuk membentuk sebuah kerajaan yang menerima pandangan dan cadangan daripada belia. Apabila ditanya berkaitan dengan rasuah, kebanyakan belia menolak pemimpin rasuah. Seramai 311 (68.4%) responden sangat bersetuju dan 115 (25.3%) bersetuju dengan pernyataan bahawa, penyertaan mereka dalam pilihanraya adalah untuk mengelakkan negara daripada dipimpin oleh pemimpin rasuah. Golongan belia juga menyatakan pandangan mereka bahawa, tujuan penyertaan mereka dalam pilihan raya adalah untuk memilih pemimpin yang mendahulukan rakyat. Seramai 292 (64.2%) responden sangat bersetuju dan 127 (27.9%) responden setuju dengan pernyataan ini.

Golongan belia juga memilih parti yang mempunyai prinsip perjuangan yang jelas hala tuju perjuangan parti. Analisis kajian ini mendapati, terdapat 286 (62.9%) responden yang memberi maklum balas sangat bersetuju dan 122 (26.8%) responden memberi maklum balas setuju. Ciri-ciri pemimpin yang jujur juga menjadi pilihan belia untuk menyertai pilihan raya. Didapati, 307 (67.5%) responden sangat bersetuju dan 115 (25.3%) responden setuju bahawa, tujuan penyertaan mereka dalam pilihan raya adalah untuk memilih pemimpin yang jujur. Belia juga amat menitik beratkan hak asasi manusia. Mereka menyertai pilihan raya adalah untuk membentuk kerajaan yang memperjuangkan hak asasi manusia. Analisis kajian ini mendapati, terdapat 296 (65.1%) responden yang memberi maklum balas sangat bersetuju dan 120 (26.4%) responden bersetuju bahawa, belia menyertai pilihan raya adalah untuk membentuk kerajaan yang memerintah memperjuangkan hak asasi manusia.

Belia juga menolak pemimpin yang mementingkan diri sendiri, dan terdapat 322 (70.8%) responden memberi maklumbalas sangat bersetuju dan 104 (22.9%) pula bersetuju dengan pernyataan, golongan belia menyertai pilihan raya adalah untuk menolak pemimpin yang pentingkan diri sendiri. Terdapat juga golongan belia yang berpandangan bahawa, penyertaan mereka dalam pilihan raya adalah untuk menunaikan tanggungjawab mereka sebagai rakyat. Hasil dapatan kajian ini mendapati, 306 (67.3%) sangat bersetuju dan 118 (25.9%) bersetuju dengan pernyataan ini. Seterusnya, belia juga ditanya tentang tanggung jawab

terhadap negara. Kajian ini mendapati, 299 (65.7%) responden sangat bersetuju dan 128 (28.1%) responden memberi maklum balas setuju bahawa, penyertaan mereka dalam pilihan raya adalah untuk menunaikan tanggungjawab mereka sebagai warganegara. Selain itu, terdapat juga belia yang menyertai pilihan raya untuk percubaan undi. Didapati seramai 217 (47.7%) sangat bersetuju dan 109 (24.0%) responden setuju dengan pernyataan ini.

Jadual 4. Penglibatan belia Melayu dalam Politik.

Bil	Pernyataan	Sangat Tidak setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Bersetuju
1	Saya menyertai pilihan raya untuk memilih pemimpin yang adil	8 (1.8%)	11(2.4%)	13(2.9%)	109 (24.0%)	314(69.0%)
2	Saya menyertai pilihan raya untuk membentuk kerajaan yang mengutamakan pandangan belia	7(1.5%)	18(4.0%)	37(8.1%)	136 (29.9%)	257(56.5%)
3	Saya menyertai pilihan raya untuk mngelakkan negara daripada dipimpin oleh pemimpin rasuah	9 (2.0%)	10 (2.2%)	10(2.2%)	115(25.3%)	311(68.4%)
4	Saya menyertai pilihan raya untuk memilih pemimpin yang mendahulukan rakyat.	8(1.8%)	15(3.3%)	13(2.9%)	127(27.9%)	292(64.2%)
5	Saya menyertai pilihan raya untuk memilih parti yang berprinsip.	9(2.0%)	11(2.4%)	27(5.9%)	122(26.8%)	286(62.9%)
6	Saya menyertai pilihan raya untuk mengangkat pemimpin yang jujur	6(1.3%)	12(2.6%)	15(3.3%)	115(25.3%)	307(67.5%)
7	Saya menyertai pilihan raya untuk memilih parti yang mengutamakan hak asasi manusia	9(2.0%)	13(2.9%)	17(3.7%)	120(26.4%)	296(65.1%)
8	Saya menolak pemimpin yang pentingkan diri sendiri	9(2.0%)	12(2.6%)	8(1.8%)	104(22.9%)	322(70.8%)
9	Saya menyertai pilihan raya kerana menunaikan tanggungjawab saya sebagai rakyat.	7(1.5%)	10(2.2%)	14(3.1%)	118(25.9%)	306(67.3%)
10	Penyertaan dalam pilihanraya adalah disebabkan oleh tanggungjawab setiap warganegara	4(0.9%)	13(2.9%)	11(2.4%)	128(28.1%)	299(65.7%)
11	Penyertaan saya dalam pilihanraya adalah untuk percubaan undi	26(5.7%)	51(11.2%)	52(11.4%)	109(24.0%)	217(47.7%)

4. Hubungan Aspirasi Belia Melayu Pinggir Bandar Dengan Penglibatan Belia Dalam Politik

Kajian ini juga membuat analisis berkaitan hubungan korelasi aspirasi belia dengan penglibatan politik belia. Analisis kajian ini mendapati, terdapat hubungan yang signifikan dan positif terhadap dua pernyataan yang berkaitan aspirasi belia dengan penyertaan belia dalam pilihan raya. Analisis kajian ini mendapati, nilai $r(455) = 0.513^{**}$ dan $p = .000$. Apabila $p = 0.000$, maka terdapat korelasi yang signifikan terhadap item tersebut dan tahap signifikannya adalah sederhana. Ini menunjukkan bahawa, apabila aspirasi belia meningkat, penyertaan politik belia juga turut meningkat.

Dapatan ini juga menunjukkan bahawa, golongan belia Melayu amat mengharapkan, supaya aspirasi mereka dipenuhi oleh kerajaan yang memerintah dan sokongan terhadap parti yang memerintah akan meningkat apabila aspirasi mereka dipenuhi. Oleh itu, adalah perlu bagi parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya mengutamakan golongan belia dalam manifesto mereka. Jadual 5 menunjukkan tahap korelasi aspirasi belia Melayu pinggir bandar dengan penglibatan belia dalam politik.

Jadual 5. Korelasi aspirasi belia Melayu pinggir bandar dengan penglibatan belia dalam politik

Penyataan	Aspirasi belia	Penglibatan belia dalam politik
Aspirasi Belia		.513**
Penglibatan Politik Belia	.513**	

Perbincangan

Kajian ini mendapati, terdapat hubungan yang positif antara aspirasi belia dengan penglibatan belia dalam politik. Parti-parti yang berjaya dalam memenangi pilihan raya dan berjaya membentuk sebuah kerajaan hendaklah mengambil berat tentang aspirasi belia ini. Dapatan kajian ini menunjukkan, aspirasi belia adalah sangat tinggi, walaupun kajian ini dibuat di kawasan pinggir bandar. Justeru, adalah tidak logik untuk meminggirkan aspirasi dan pandangan golongan belia, kerana mereka adalah generasi pelapis yang akan menentukan maju atau mundurnya pembangunan politik sesebuah negara. Setiap peringkat umur belia mempunyai aspirasi mereka tersendiri terhadap kerajaan yang memerintah.

Dapatan kajian ini disokong oleh beberapa kajian terdahulu. Walaupun kajian ini dilaksanakan di kawasan pinggir bandar, tetapi analisis kajian ini mendapati golongan belia pinggir bandar mempunyai citarasa yang sama dengan golongan belia bandar. Selari dengan kajian terdahulu yang dilaksanakan oleh Nur Ellyanis Mohd Basori & Junaidi Awang Besar (2020), terbukti bahawa, pemimpin perlu mengutamakan aspirasi belia. Kegagalan memenuhi aspirasi belia akan menyebabkan golongan belia tidak memberi undi kepada parti-parti bertanding. Pemimpin yang berintegriti, amanah dan menjaga kebajikan rakyat juga diutamakan oleh golongan belia Melayu pinggir bandar. Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian terdahulu yang menjelaskan bahawa, sokongan pengundi kepada parti politik dipengaruhi oleh kelantangan suara pimpinan utama dan isu semasa yang dibangkitkan (Junaidi Awang Besar, 2021). Pemimpin yang lantang menyuarakan kebajikan belia akan menjadi pilihan utama mereka.

Golongan belia pinggir bandar juga mempunyai aspirasi yang sama dan perlu dipenuhi oleh parti yang membentuk kerajaan. Terdapat sedikit kesedaran golongan belia dalam menyertai politik hari ini, khususnya dalam kalangan belia yang terpelajar. Oleh itu, belia yang terpelajar pada hari ini didapati sentiasa mengikuti perkembangan politik secara mendalam, selari dengan perkembangan arus politik perdana. Perkembangan ini menunjukkan satu peningkatan yang positif berkaitan kesedaran golongan belia dalam politik.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa, belia Melayu pinggir bandar mempunyai aspirasi mereka yang tersendiri dalam mempengaruhi penglibatan mereka dalam politik. Selain daripada itu, terdapat sebilangan kecil dan terpencil golongan belia yang tidak mempunyai aspirasi. Golongan belia seperti ini memerlukan pihak lain untuk mencipta aspirasi bagi mereka.

Keprihatinan terhadap aspirasi belia mestilah diberi keutamaan oleh parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya. Berdasarkan dapatan kajian ini, pendekatan yang paling selesa dan digemari oleh golongan belia ialah faktor pekerjaan yang merupakan sumber pendapatan kepada golongan belia untuk sara diri dan keluarga mereka. Pendekatan yang berikutnya adalah berkaitan dengan gaya hidup golongan belia,

seperti program-program yang berkaitan dengan kesukanan. Oleh itu, kemudahan dan fasiliti untuk bersukan mestilah disediakan dengan sebaik mungkin oleh pemimpin.

Kesimpulan

Terdapat hubungan yang positif antara aspirasi belia dengan penglibatan belia dalam politik. Parti-parti yang berjaya dalam memenangi pilihan raya dan berjaya membentuk sebuah kerajaan hendaklah mengambil berat tentang aspirasi belia ini. Dapatan kajian ini menunjukkan, aspirasi belia adalah sangat tinggi, walaupun kajian ini dibuat di kawasan pinggir bandar. Justeru, adalah tidak logik untuk meminggirkan aspirasi dan pandangan golongan belia, kerana mereka adalah generasi pelapis yang akan menentukan maju atau mundurnya pembangunan politik sesebuah negara. Setiap peringkat umur belia mempunyai aspirasi mereka tersendiri terhadap kerajaan yang memerintah.

Golongan belia pinggir bandar juga mempunyai aspirasi yang sama dan perlu dipenuhi oleh parti yang membentuk kerajaan. Terdapat sedikit kesedaran golongan belia dalam menyertai politik hari ini, khususnya dalam kalangan belia yang terpelajar. Oleh itu, belia yang terpelajar pada hari ini didapati sentiasa mengikuti perkembangan politik secara mendalam, selari dengan perkembangan arus politik perdana. Perkembangan ini menunjukkan satu peningkatan yang positif berkaitan kesedaran golongan belia dalam politik.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa, belia Melayu pinggir bandar mempunyai aspirasi mereka yang tersendiri dalam mempengaruhi penglibatan mereka dalam politik. Selain daripada itu, terdapat sebilangan kecil dan terencil golongan belia yang tidak mempunyai aspirasi. Golongan belia seperti ini memerlukan pihak lain untuk mencipta aspirasi bagi mereka.

Keprihatinan terhadap aspirasi belia mestilah diberi keutamaan oleh parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya. Berdasarkan dapatan kajian ini, pendekatan yang paling selesa dan digemari oleh golongan belia ialah faktor pekerjaan yang merupakan sumber pendapatan kepada golongan belia untuk saraan diri dan keluarga mereka. Pendekatan yang berikutnya adalah berkaitan dengan gaya hidup golongan belia, seperti program-program yang berkaitan dengan kesukanan. Oleh itu, kemudahan dan fasiliti untuk bersukan mestilah disediakan dengan sebaik mungkin oleh pemimpin.

Kajian ini dapat menambahkan penyelidikan berkaitan penglibatan politik golongan belia khususnya, dikawasan pinggir bandar. Kajian ini juga dapat membantu parti-parti politik, dan pemimpin-pemimpin parti serta pihak yang berkepentingan untuk meneliti serta memahami keperluan golongan belia Melayu pinggir bandar. Selain itu, pihak kerajaan boleh memanfaatkan hasil kajian ini untuk mewujudkan dasar-dasar baru yang berkaitan dengan golongan belia pinggir bandar.

Penghargaan: Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua yang terlibat dalam penyelidikan ini yang bertajuk hubungan aspirasi belia Melayu terhadap penglibatan belia dalam politik di kawasan pinggir bandar Terengganu. Artikel ini adalah sebahagian daripada kerja Pengajian Doktor Falsafah di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Kelulusan Etika: Kajian ini tidak terikat dengan peruntukan geran dari mana-mana tabung penyelidikan.

Persetujuan termaklum: Persetujuan termaklum diperoleh daripada semua subjek yang terlibat dalam kajian.

Konflik Kepentingan: Pengarang mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

Rujukan

- Abdul Hadi Samsi, Amaludin Ab Rahman, & Ku Hasnita Ku Samsu. (2013). Persepsi belia terhadap parti politik dan tahap penglibatan politik di selangor abdul hadi samsi, amaludin ab. rahman & ku hasnita ku samsu. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 9, 107–120.
- Abdul Razaq Ahmad, Mohd Mahzan Awang, & Jamil Ahmad. (2016). Aspirasi dan kecenderungan belia terhadap kepimpinan politik Malaysia. *Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*, 14, 1–28.

- Aichholzer, J., & Willmann, J. (2020). Desired personality traits in politicians: Similar to me but more of a leader. *Journal of Research in Personality*, 88, 103990. <https://doi.org/10.1016/j.jrp.2020.103990>
- Akrong, R., & Hundie, B. (2022). Heliyon Economic analysis of youth participation in agripreneurship in Benin. *Heliyon*, 8(November 2021), e08738. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2022.e08738>
- Ali, R., Asadi, S., Nilashi, M., Minaei-bidgoli, B., Khan, F., Samad, S., Mohd, S., & Ibrahim, O. (2021). Technology in Society The impact of coronavirus pandemic (COVID-19) on education: The role of virtual and remote laboratories in education. *Technology in Society*, 67(September), 101728. <https://doi.org/10.1016/j.techsoc.2021.101728>
- Avril Keating, & Gabriella Melis. (2017). Social media and youth political engagement: Preaching to the converted or providing a new voice for youth? *The British Journal of Political and International Relations*, 19(4), 877–894. <https://doi.org/10.1177/1369148117718461>
- Axia D. Marchand, Michael Frisby, Maura R. Kraemer, Channing J. Mathews, Matthew A. Diemer, & Adam M. Voight. (2021). Sociopolitical Participation Among Marginalized Youth: Do Political Identification and Ideology Matter? *Journal of Youth Deveelopment*, 16(5), 41–63. <https://doi.org/10.5195/jyd.2021.1089>
- Azman Mahadi, Mohd Fuad Mat Jali, & Junaidi Awang Besar. (2016). Tingkah laku pengundi dan faktor kejayaan Barisan Nasional: kajian kes FELDA Kuala Krau. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9), 126–137.
- Balqis Farahana Ismayuddin, & Junaidi Awang besar. (2022). Pandangan belia terhadap isu sosioekonomi dan politik di kawasan Dun Peramu Jaya, Pekan, Pahang. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(4), 1–20.
- Barford, A., Coombe, R., & Proefke, R. (2021). Against the odds: young people’s high aspirations and societal contributions amid a decent work shortage. *Geoforum*, 121, 162–172. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.geoforum.2021.02.011>
- Brady, B., Chaskin, R. J., & McGregor, C. (2020). Children and Youth Services Review Promoting civic and political engagement among marginalized urban youth in three cities: Strategies and challenges. *Children and Youth Services Review*, 116(June), 105184. <https://doi.org/10.1016/j.chilyouth.2020.105184>
- Farthing, R. (2010). The politics of youthful antipolitics: representing the ‘issue’ of youth participation in politics. *Journal of Youth Studies*, 13(2), 181–195. <https://doi.org/10.1080/13676260903233696>
- Junaidi Awang Besar. (2021). Geopolitik negeri Terengganu dalam Pru-14, PRU-14 dan Pasca PRU-14. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(5), 91–108.
- Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori, & Mohd Syukri Zainuddin. (2020). Pola sokongan belia Melayu dalam PRU-14 di beberapa DUN terpilih dalam negeri kedah. *Geografia OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space*, 4(4), 150–163.
- Keating, A., & Melis, G. (2017). *Social media and youth political engagement: Preaching to the converted or providing a new voice for youth ?* <https://doi.org/10.1177/1369148117718461>
- Kitanova, M. (2020). Youth political participation in the EU: evidence from a cross-national analysis Youth political participation in the EU: evidence from a. *Journal of Youth Studies*, 23(7), 819–836. <https://doi.org/10.1080/13676261.2019.1636951>
- Malafaia, C., Neves, T., & Menezes, I. (2021). The Gap Between Youth and Politics: Youngsters Outside the Regular School System Assessing the Conditions for Be (com) ing Political Subjects. *Y*, 29(5), 437455. <https://doi.org/10.1177/1103308820987996>
- Marshelayanti Mohamad Razali, Siti Noranizahhafizah Boyman, Nafisah Ilham Hussin, & Wan Asna Wan Mohd Nor. (2016). Penglibatan Politik Belia : Satu Analisis Penyertaan Konvensional di Malaysia Youth Political Participation: An Analysis of Conventional Investments in Malaysia. *Jurnal Persepektif*, 8(2), 70–78.
- Marzudi Md Yunus, Azrie Azeh, & Rohaidah Haron. (2022). Memperkasa aspirasi ekonomi dan gaya belia Melayu : Faktor penentu kemenangan dalam pilihan raya umum ke-15. *Geografia OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space*, 8(3), 200–215. <https://doi.org/https://doi.org/10.17576/geo-2022-1803-13>
- Mohammed, A., & Ferraris, A. (2021). Factors influencing user participation in social media: Evidence from twitter usage during COVID-19 pandemic in Saudi Arabia. *Technology in Society*, 66, 101651.

- <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.techsoc.2021.101651>
- Mohd Mahadee Ismail, Azlina Abdullah, Nor Azlili Hassan, & Mohd Sabri Md Nor. (2020). Perkembangan Politik Era Malaysia Baharu: Pandangan Eksklusif Belia Terpelajar (Political Development in New Malaysia Era: An Exclusive View of Educated Youth). *Akademika*, 90(1 (SI)), 161–174. <https://doi.org/https://doi.org/10.17576/akad-2020-90IK1-12>
- Mohd. Fauzi Fadzil, Ismi Arif Ismail, & Steven Eric Krauss. (2022). Malaysian youth political participation. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 1(14), 146–156. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i14/15820>
- Mohd Fuad Mat Jali, & Junaidi Awang Besar. (2012). Pendapat dan keperluan generasi muda di kawasan Parlimen Muar, Johor. *E-Bangi: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 7(1), 50–63.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Abdul Halim Sidek, & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. (2011). Persepsi politik belia di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang, Negeri Sembilan. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 7, 105–115.
- Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Mohd Awal, Abdul Halim Sidek, & Khaidzir Ismail. (2009). Minat, Aspirasi dan Sokongan Politik Belia IPT Malaysia. *Malaysia Journal of Youth Studies*, 1, 71–84. <http://www.elsevier.com/locate/scp>
- Mohd Mahadee Ismail, Nor Azlili Hassan, Azlina Abdullah, Hairol Anuar Mak Din, Marzudi Md Yunus, & Mansor Mohd Noor. (2021). Dimensions of National Ethos among Educated Youths in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 29(3), 1783–1808. <https://doi.org/https://doi.org/10.47836/pjssh.29.3.17>
- Nur Ellyanis Mohd Basori, & Junaidi Awang Besar. (2020). Politik Belia Dan Pilihan Raya Umum KE-14 Di Malaysia. *E-Bangi*, Vol. 17(No.7), 49–65. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/viewFile/41589/10813>
- Nursyahida Zulkifli, Siti Khadijah Omar, Nor Farizah Johari, Muhammad Syafiq Hassan, & Mohamad Rahimi Mohamad Rosman. (2022). Pengaruh media baru dan penglibatan politik belia. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 2(2), 63–77.
- Sturgis, P., & Jennings, W. (2020). Was there a ‘Youthquake’ in the 2017 general election? *Electoral Studies*, 64(August 2019), 102065. <https://doi.org/10.1016/j.electstud.2019.102065>
- Ramli Dollah, Nordin Sakke, Wan Shawaluddin Wan Hassan, Marja Azlima Omar, & Adi Jafar. (2018). Peranan belia dan PRU-14 di Sabah: Kajian kes di P.188 Silam (The role of youth and GE-14 in Sabah: Case Study in P.188 Silam). *Jurnal Kinabalu Edisi Khas*, 319–349.
- Wang, T. Y. (2019). Generations, political attitudes and voting behavior in Taiwan and Hong Kong. *Electoral Studies*, 58, 80–83. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.electstud.2018.12.007>
- Yeung, J. W. K. (2022). The academic aspiration of immigrant youths and their college graduation in young adulthood: A multilevel analysis of individual and contextual carry-over effects. *International Journal of Educational Research*, 111, 101888. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.ijer.2021.101888>
- Zalinah Ahmad, & Zawiyah Mohd Zain. (2021). International Journal of Media and Communication Research (IJMCR). *International Journal of Media and Communication Research (IJMCR)*, 2(1), 11–22.